

EKOSISTEM  
KEUSAHAWANAN

*Befia*

*buku  
panduan*

# TITAH

**“Negara sangat memerlukan generasi muda untuk berani tampil menerajui pembangunan. Para belia perlu mengambil peluang untuk meningkatkan keupayaan diri masing-masing melalui program-program yang ditawarkan di dalam atau di luar negeri.”**

*Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-34, Tahun 2018 .*

# buku panduan

## **PENGENALAN**

Buku Panduan ini diharap dapat membantu awda sebagai panduan ke arah perjalanan anda sebagai seorang usahawan muda (berumur 18 hingga 40 tahun) untuk membantu awda membuat keputusan tentang program atau inisiatif yang sesuai untuk perniagaan anda. Ini termasuklah peluang perniagaan, akses kepada modal kewangan, infrastruktur dan kemudahan, pembangunan kapasiti, perkhidmatan sokongan perniagaan yang dikongsi serta akses pasaran.

Di samping itu, untuk mewujudkan lebih banyak peluang bagi para belia untuk memulakan, memiliki, mengurus dan menjalankan perniagaan, pelbagai program telah disediakan oleh pelbagai agensi. Pembangunan kapasiti dan perkhidmatan sokongan perniagaan yang dikongsi seperti rangkaian mentor akan ditawarkan. Skim pembiayaan disediakan untuk memenuhi keperluan para usahawan untuk mendapatkan modal bagi menubuhkan dan mengembangkan perniagaan mereka. Infrastruktur seperti kilang pasang siap, premis pejabat dan ruang kerja bersama disediakan untuk dimanfaatkan oleh para usahawan. Sebagai tambahan, kontrak dari pelbagai industri di sektor awam dan swasta akan dipertaruhkan untuk usahawan belia membuat tawaran kompetitif.

Inisiatif-inisiatif ini akan mendorong keusahawanan belia yang amat penting untuk pembangunan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), dan mewujudkan peluang pekerjaan untuk pembangunan ekonomi negara yang mampan dalam jangka panjang.

Sejajar dengan tema Hari Belia Kebangsaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Tenaga & Industri, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dan Darussalam Enterprise (DARE) telah bekerjasama membuat buku panduan ini yang memberi tumpuan kepada inisiatif yang secara khusus membantu usahawan belia untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka.

# KANDUNGAN

<b>Pembangunan Kapasiti &amp; Khidmat Sokongan Bersama</b>	05
<i>Pemadanan Perniagaan Pertanian &amp; Perikanan</i>	06
<i>Program Pendedahan Pertanian Belia</i>	07
<i>Templat Pengurusan Perniagaan</i>	08
<i>Pusat Dukungan Perniagaan (Business Support Centre)</i>	09
<i>Rangkaian Mentor Usahawan Brunei (BMEN)</i>	10-11
<i>Akademi Perniagaan Tenaga (Energy Business Academy)</i>	12
<i>Akademi Perniagaan Industri (Industry Business Academy)</i>	13
<i>Micro Business Bootcamp</i>	14
<i>Start-up Bootcamp</i>	15
<b>Pembiayaan</b>	16
<i>Bank Usahawan</i>	17
<i>Pinjaman Perniagaan</i>	18
<i>Geran 'Co-Matching'</i>	19
<i>Skim Pembiayaan Anugerah Perniagaan</i>	
<i>Permulaan LiveWIRE</i>	20
<i>Geran Perniagaan Mikro</i>	21
<i>Skim Pembiayaan Mikrokredit</i>	22
<b>Infrastruktur &amp; Kemudahan</b>	23
<i>Tapak Perladangan Kontrak</i>	24
<i>Ruang 'Co-Working' &amp; Premis Pejabat</i>	25
<i>Tapak, Taman Perindustrian &amp; Kilang Siap Sedia</i>	26
<i>Taman Kontena</i>	27
<i>Dapur Gunasama</i>	28
<b>Akses Pasaran</b>	29
<i>Akses Pasaran Inbound</i>	30
<i>Akses Pasaran Outbound</i>	31
<i>Program Pemudahan Eksport</i>	32
<i>Inisiatif Made in Brunei Supermarket Shelf</i>	33
<i>Inisiatif Made In Brunei Unexpected Treasures</i>	34
<b>Peluang-Peluang</b>	35
<b>Kontrak &amp; Perkhidmatan</b>	
<i>i-Usahawan</i>	36
<i>Pusat Pengagihan Koperasi</i>	37
<i>Pemudahan Padanan Francais</i>	38
<i>Kitar Semula</i>	39
<b>Agribisnes/Akuakultur</b>	
<i>Projek Rintis (Pertanian)</i>	40
<i>Perladangan Kontrak</i>	41
<i>Penternakan Ikan</i>	42

**PEMBANGUNAN KAPASITI & KHIDMAT SOKONGAN BERSAMA**

Akademi Perniagaan Industri (*Industry Business Academy*)  
Pusat Dukungan Perniagaan (*Business Support Centre*)  
Akademi Perniagaan Tenaga (*Energy Business Academy*)  
Program Pendedahan Pertanian Belia

*Micro Business Bootcamp*  
*Start-up Bootcamp*  
Rangkaian Mentor Usahawan Brunei **BAHARU**  
Templat Pengurusan Perniagaan **BAHARU**  
Pemadanan Perniagaan Pertanian & Perikanan



**PEMBIAYAAN**  
Skim Pembiayaan Mikrocredit  
Bank Usahawan  
**BAHARU** Geran 'Co-Matching'  
LiveWIRE  
**BAHARU** Geran Perniagaan Mikro  
Pinjaman Perniagaan



**PELUANG-PELUANG**  
Kontrak & Perkhidmatan  
• "Kontrak-kontrak" i-Usahawan **BAHARU**  
• Pusat Pengagihan Koperasi **BAHARU**  
• Pemudahan padanan francais **BAHARU**  
• Kitar Semula **BAHARU**

Agribisnes/Akuakultur  
• Projek Rintis  
• Perladangan Kontrak  
• Penternakan Ikan




**INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN**  
Premis Pejabat  
Kilang Siap Sedia (*Ready-Built Factories*)  
Taman Kontena  
**BAHARU** Dapur Gunasama  
Tapak Perladangan Kontrak  
Ruang 'Co-Working' (*Co-Working Spaces*)  
Taman & Tapak Perindustrian




**AKSES PASARAN**  
Akses Pasaran Inbound  
Akses Pasaran Outbound  
Program Pemudahan Eksport  
Inisiatif Made in Brunei Supermarket Shelf  
Inisiatif Made In Brunei Unexpected Treasures



**EKOSISTEM KEUSAHAWANAN**



**PEMBANGUNAN KAPASITI &  
KHIDMAT SOKONGAN BERSAMA**



# Pemadanan Perniagaan Pertanian & Perikanan

## Apakah Pemadanan Perniagaan Pertanian & Perikanan?

Program ini ditawarkan oleh Kementerian Sumber Program ini ditawarkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), disediakan untuk usahawan muda. Para peserta akan didedahkan kepada teknologi maju sebenar yang dapat meningkatkan hasil tanaman, dan memberi pulangan yang menguntungkan melalui lawatan ladang.

Program ini bertujuan untuk mempromosikan penglibatan belia dalam sektor pertanian pada asas perladangan kontrak serta meningkatkan pengeluaran ladang pertanian.

## *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut, pihak yang berminat boleh menghantar kertas cadangan kepada Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, hubungi Bahagian Industri Tanaman atau Bahagian Industri Ternakan di +673 2388 048 atau e-mel [info@agriculture.gov.bn](mailto:info@agriculture.gov.bn)

Alamat:  
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan  
Lapangan Terbang Lama, Berkas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam

Untuk keterangan lanjut mengenai sektor perikanan, pihak yang berminat boleh menulis kepada Pengarah Perikanan, hubungi Bahagian Perkembangan Perniagaan dan Pelaburan di +673 8878 833 atau e-mel [info@fisheries.gov.bn](mailto:info@fisheries.gov.bn)

Alamat:  
Jabatan Perikanan  
Kompleks Perikanan Muara  
Simpang 287-53, Jalan Peranginan  
Pantai Serasa  
Kampung Serasa, BT1728  
Negara Brunei Darussalam

# Program Pendedahan Pertanian Belia

## Apakah Program Pendedahan Pertanian Belia?

Program ini ditawarkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), disediakan untuk usahawan muda. Para peserta akan didedahkan kepada teknologi maju sebenar yang dapat meningkatkan hasil tanaman, dan memberi pulangan yang menguntungkan melalui lawatan ladang.

Program ini bertujuan untuk mempromosikan penglibatan belia dalam sektor pertanian pada asas perladangan kontrak serta meningkatkan pengeluaran ladang pertanian.

## *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut mengenai sektor pertanian, pihak yang berminat boleh menulis kepada Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, hubungi Bahagian Industri Tanaman atau Bahagian Industri Ternakan di +673 2388 048 atau e-mel [info@agriculture.gov.bn](mailto:info@agriculture.gov.bn)

Alamat:  
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan  
Lapangan Terbang Lama, Berkas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam



# Templat Pengurusan Perniagaan

## Apakah Templat Pengurusan Perniagaan?

Asas pengurusan kewangan & sumber manusia adalah perlu bagi perniagaan kecil. DARE memberikan templat yang ringkas dan mudah untuk digunakan bagi mengembangkan rancangan perniagaan, rekod perbelanjaan, aliran tunai, keuntungan & kerugian, penyata pendapatan, pengambilan pekerja, kontrak pengambilan pekerja, dan pengurusan prestasi.

Templat ini disediakan bagi perniagaan permulaan, mikro dan kecil. DARE juga memberikan khidmat nasihat tentang perisian kewangan dalam talian, dan pengurusan sumber manusia yang boleh digunakan secara percuma atau pada harga yang murah.

*Dimanakah boleh saya mendapatkan templat tersebut?*

Untuk keterangan lanjut sila rujuk laman sesawang kami di:  
<http://www.dare.gov.bn/SitePages/Resources.aspx> atau e-mel kami di [dare@ei.gov.bn](mailto:dare@ei.gov.bn)

# Pusat Dukungan Perniagaan (Business Support Centre)

Apakah Pusat Dukungan  
Perniagaan?

Pusat Sokongan Perniagaan menyediakan satu tempat perniagaan untuk:

- Akses dan menyerahkan permohonan berkaitan dengan perniagaan (permit, lesen dan pendaftaran).
- Mendapatkan nasihat perniagaan, dan maklumat mengenai proses perniagaan yang berkaitan.
- Belajar mengenai program dan insentif SME, dan bagaimana memohon.
- Log masuk perniagaan berkaitan dengan isu, maklum balas dan pertanyaan.

Selain agensi-agensi kerajaan yang terletak di Pusat Dukungan Perniagaan DARE, terdapat meja bantuan Perniagaan DARE.

## *Dimanakah lokasinya?*

### Daerah Brunei Muara

Tingkat satu, Bangunan Reka Bentuk & Teknologi,  
Simpang 32-37, Kg Anggerek Desa,  
Bandar Seri Begawan, BB3713  
Negara Brunei Darussalam

### Waktu Beroperasi:

Hari Isnin hingga Hari Khamis:  
8 pagi hingga 12 tengah hari dan 2  
petang hingga 4.30 petang  
Hari Jumaat:  
8 pagi hingga 11.30 pagi dan  
2.15 petang hingga 4.30 petang

---

### Daerah Belait

Tingkat Bawah,  
Bangunan Bandaran Kuala Belait dan  
Seria (Bekas Pusat Pemudahan  
Perniagaan) Kuala Belait KA 1131  
Negara Brunei Darussalam

### Waktu Beroperasi:

Hari Selasa dan Hari Khamis  
8 pagi hingga 12 tengah hari dan 2  
petang hingga 4.30 petang

---

### Daerah Temburong

(Meja bantu Perniagaan DARE)  
Bagaian Timbangan dan Sukatan  
Kementerian Tenaga dan Industri  
Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan  
Pekan Bangar  
Negara Brunei Darussalam

### Waktu Beroperasi:

Hari Rabu:  
8.45 pagi hingga 12 tengah hari dan  
12.45 petang hingga 3.00 petang

# Rangkaian Mentor Usahawan Brunei (BMEN)

## Apakah Rangkaian Mentor Usahawan Brunei (BMEN)?

Untuk menjadikan Pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) sebagai penyumbang terbesar kepada ekonomi Negara Brunei Darussalam, memerlukan program-program perkembangan yang berstruktur dan selaras untuk mendukung dan menggalakkan perkembangan mereka. Mentor perniagaan boleh menjadi cara yang berkesan untuk memperbaiki prestasi perniagaan terutamanya tahap awal perniagaan permulaan. Ia menyediakan beberapa peluang dan faedah untuk membantu pertumbuhan PMKS, bermula dari memberi maklumat untuk perkembangan perniagaan dan buah fikiran untuk produk dan perkhidmatan baharu hingga memberi bimbingan ke atas pertumbuhan strategik serta akses kepada kontak jaringan yang lebih luas di dalam dan di luar negara.

Negara Brunei Darussalam, sebagai sebuah negara ahli ASEAN membentuk sebahagian daripada ASEAN Mentorsip For Entrepreneurs Network (AMEN) yang menginstitusikan permentoran PMKS ASEAN untuk menyumbang kepada perkembangan yang inklusif dan peningkatan kesejahteraan di dalam rantau. Penubuhan BMEN adalah sebagai sebahagian daripada AMEN yang bermaksud bahawa mentor tempatan akan diberi peluang untuk menyertai atas dasar suka rela dalam jaringan serantau dan mendapat akses kepada sumber pementoran yang lebih meluas.

## Apakah tujuannya?

Pembentukan BMEN bertujuan untuk mempromosi dan menanamkan hubungan pembelajaran yang kuat, efektif dan berkesan dan rakan kongsi yang saling bermanfaat di antara mentor dengan mentee (PKMS/Perniagaan Permulaan) yang memenuhi perkembangan perniagaan mereka dan membantu memajukan kemajuan kapasiti, keupayaan serta potensi penuh melalui sebuah sistem yang selaras dan berstruktur.

Ia juga membayangkan untuk berkhidmat sebagai satu program berkesan yang menggalakkan pertumbuhan positif ke atas perniagaan-perniagaan tempatan khususnya PMKS/Perniagaan Permulaan, yang akan mengarah kepada sumbangan yang lebih besar terhadap pertumbuhan ekonomi negara termasuk penciptaan pekerjaan

# Rangkaian Mentor Usahawan Brunei (BMEN)

## Siapakah yang boleh Memohon?

Seorang ahli mesti mempunyai pengalaman, ilmu pengetahuan, kemahiran atau kepakaran yang mencukupi dan komited untuk menggalakkan dan membantu mentee nya mengembangkan potensi penuh perniagaan mereka. Dia mestilah bersedia untuk memberi permentoran atas dasar suka rela dan meluangkan masa dengan mentee melalui pertemuan satu dengan satu atau berkumpulan.

Mentor yang berbangsa asing dikategorikan kepada tiga kumpulan: usahawan, pengusaha perniagaan dan para akademik.

Untuk menjadi mentor BMEN yang berdaftar, seseorang itu haruslah memenuhi kriteria-kriteria yang berikut:

- Usahawan Berjaya (yang memiliki perniagaan yang mantap / para akademik / professional)
- Berpengalaman dalam bidang tertentu ( perkembangan perniagaan, teknikal, pemasaran, kewangan, undang-undang dan sebagainya)
- Berwawasan dan mempamerkan sifat kepimpinan yang tinggi dan berupaya menetapkan matlamat dan sasaran
- Dapat menghuraikan konsep yang kompleks dan menyampaikannya dalam kandungan yang senang difahami, menarik dan mengujakan mentee

- Mempunyai minat yang mendalam untuk membantu PMKS/Perniagaan Permulaan dengan meluangkan masa, ilmu pengetahuan dan kemahiran secara suka rela kepada mentee berdaftar BMEN
- Kemahiran berkomunikasi yang tinggi (dalam Bahasa Inggeris dan/ atau dialek tempatan)
- Kemahiran motivasi dan hubungan antara perorangan yang tinggi dengan orang-orang daripada pelbagai latar belakang dan status
- kemungkinan untuk dapat memberikan sokongan jaringan

Seorang mentee yang layak merujuk kepada pemilik perniagaan yang berdaftar (atau kakitangan yang dilantik) yang memerlukan panduan dan sokongan daripada seorang mentor untuk sebarang bidang perniagaan yang berkaitan yang memerlukan penambahan.

## *Cara memohon?*

Pendaftaran sebagai ahli atau mentor boleh dibuat melalui dalam talian laman sesawang BMEN [www.bruneimentors.com](http://www.bruneimentors.com)

Nota: Pendaftaran untuk mencari mereka yang berminat dalam kalangan mentor BMEN yang berpotensi akan bermula 1 Ogos 2018.

# Akademi Perniagaan Tenaga (Energy Business Academy)

## Apakah Akademi Perniagaan Tenaga?

Akademi Perniagaan Tenaga (Energy Business Academy-EBA) ditawarkan oleh Brunei Shell Petroleum (BSP) bagi mana-mana syarikat tempatan yang berminat untuk menyertai tender yang dikeluarkan oleh BSJV. Ia bertujuan untuk mengembangkan kecekapan, kebolehan dan meningkatkan daya saing perniagaan tempatan yang menanggung risiko dalam industri minyak dan gas melalui latihan dan bimbingan khusus oleh para pakar. Ini ditujukan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang belum memperoleh kontrak BSJV.

## *How to apply?*

### Cara memohon?

Syarikat tempatan yang berminat boleh mendaftar bagi penyertaan melalui [www.bsp-lbd.com.bn](http://www.bsp-lbd.com.bn). Tempat duduk bagi latihan EBA adalah terhad. Peserta yang berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel

# Akademi Perniagaan Industri (Industry Business Academy)

## Apakah Akademi Perniagaan Industri?

Darussalam Enterprise (DARE) melancarkan Akademi Perniagaan Industri (Industry Business Academy-IBA) pada bulan Julai 2016 sebagai komponen yang perlu dalam program pembinaan untuk memberikan perniagaan- pengetahuan perniagaan yang diperlukan untuk memulakan, mengembangkan dan mengeksport.

IBA adalah kursus perniagaan yang dijalankan pada setiap enam bulan, dua kali setahun. Kursus ini membincangkan banyak modul perniagaan yang meliputi tentang pembiayaan, penulisan perancangan perniagaan, pemasaran dan sumber manusia. Pada amnya, kelas adalah percuma, namun, program yang khusus boleh dikenakan bayaran fi minimum. Pakar-pakar subjek dari sektor awam dan swasta dibawa untuk memudah cara modul dari industri yang berlainan.

## Kandungan Program

IBA juga diajar dalam tiga peringkat yang berlainan bergantung kepada peringkat kematangan perniagaan.

Ketiga-tiga peringkat diterangkan di bawah ini:

Program IBA	IBA Peringkat 1 (PKS Permulaan dan Mikro)	IBA Peringkat 2 (PKS)	IIBA (Peringkat 3) (Syarikat yang mantap)
Kurikulum Biasa	Meningkatkan pengetahuan am bagaimana memulakan perniagaan, dan bagaimana memastikan kemapanan perniagaan.	Meningkatkan pengetahuan dan apresiasi bagaimana memastikan kemampunan syarikat yang membangun.	Meningkatkan pengetahuan dan apresiasi bagaimana mengembangkan sesebuah syarikat ke luar negara dengan jaya.
Industri Spesifik	Memfokuskan kepada peluang perniagaan dan meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mengenai undang-undang dan dasar kerajaan bagi sektor industri spesifik		

## Siapakah yang boleh menyertainya?

Program IBA terbuka kepada sesiapa pun yang bercita-cita untuk menjadi pengusaha dan mana-mana pengusaha yang sedia ada dalam semua peringkat. IBA memberikan panduan dan latihan yang membolehkan peserta menghalatujukan perniagaan dengan yakin ke arah mencapai matlamat mereka, sama ada peserta masih dalam peringkat idea atau mempunyai matlamat untuk mengeksport produk mereka ke luar negara.

## Cara memohon?

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk laman sesawang kami di:  
<http://dare.gov.bn/SitePages/Industry-Business-Academy.aspx>  
atau e-mel kami di [iba@dare.gov.bn](mailto:iba@dare.gov.bn)

# Micro Business Bootcamp

## Apakah Micro Business Bootcamp?

Micro Business Bootcamp adalah sebuah program yang meningkatkan kemahiran dan membangun belia untuk menyertai keusahawanan, khususnya dalam perniagaan mikro (perniagaan yang mempunyai 1-4 pekerja).

## Apakah tujuannya?

- Memupuk pola minda keusahawanan untuk memantapkan kedudukannya sebagai pemilik perniagaan yang berkebolehan;
- Menggalakkan budaya uji dan belajar dalam memulakan sebuah perniagaan mikro
- Menyediakan pembangunan kapasiti untuk memperbaiki peluang pekerjaan belia.

## Kandungan Program

### PERINGKAT 1: BENGKEL CETUSAN IDEA | 1 hari

Sesi terbuka selama sehari yang melihat peserta yang berminat akan melalui sesi pengesahsahihan idea.

### PERINGKAT 2: BOOTCAMP FIZIKAL | 1 minggu & KURSUS KEUSAHAWANAN | 2 minggu

Bagi meningkatkan kemahiran mereka melalui pembangunan kapasiti, dan memupuk pola minda yang betul, mempelajari cara membuat keputusan strategik, keberanian, menonjolkan kepimpinan dan kerja berpasukan.

### PERINGKAT 3: PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN | 6 bulan

Pada akhir program, para peserta mestilah telah melengkapkan rancangan perniagaan yang komprehensif bagi memohon kelulusan dan pinjaman perniagaan. Bimbingan lanjutan dan pemantauan akan dilakukan oleh jurulatih perniagaan selama 6 bulan.

## Siapakah yang boleh menyertainya?

- 18-40 tahun
- Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.

## Cara memohon?

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang kami di: <http://dare.gov.bn/SitePages/Micro%20Business%20Bootcamp.aspx> atau e-mel kepada kami di [microbusiness.bootcamp@dare.gov.bn](mailto:microbusiness.bootcamp@dare.gov.bn)

# Start-up Bootcamp

## Apakah Start-Up Bootcamp Permulaan?

Start-Up Bootcamp ialah sebuah program pemangkin 100 hari yang menyasarkan mereka yang mempunyai perniagaan permulaan yang berkembang dan berpotensi tinggi, yang tersedia untuk pelaburan, dan diperluaskan kepada pasaran tempatan dan antarabangsa.

DARe melancarkan Start-Up Bootcamp yang pertama padatahun 2016 bagi membantu perkembangan pengusaha yang baharu dan sedia ada dalam program pemangkin.

## Apakah tujuannya?

- Memberi kandungan pemangkin perniagaan permulaan bagi idea eksport, produk dan perkhidmatan yang berkembang dan berpotensi tinggi yang ditujukan kepada pasaran dan pelanggan antarabangsa.
- Membantu dalam pembangunan dan pertumbuhan syarikat permulaan.
- Memberikan kemudahan kepada kandungan, rangkaian dan mentor tempatan dan antarabangsa.

## Kandungan Program

Selama 100 hari, peserta terpilih akan mempelajari modul-modul, termasuklah tetapi tidak terhad kepada Lean Canvas, Ideation, Market Validation, Creation of Minimum Viable Product,

Human Resource Management, Commercialization Strategy, Marketing and Branding, Financing, Company Valuation, Legal, Intellectual Property, Fundraising dan Pitching.

Di penghujungnya, peserta yang terpilih akan berpeluang naik ke pentas semasa acara Hari Tunjuk Ajar (Demo Day). Pada hari itu, pengasas akan bercerita mengenai perniagaan mereka kepada barisan pelabur serantau (tertakluk kepada fasilitator yang dilantik).

## Siapakah yang boleh menyertainya?

- Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.
- Perniagaan yang baharu dan sedia ada yang berdaftar, dan telah beroperasi selama 2 tahun.
- Idea atau produk yang mempunyai pertumbuhan dan berpotensi tinggi.
- Penggunaan teknologi yang inovatif, seperti AI, blockchain, big data adalah lebih baik.
- Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei

## Cara memohon?

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang kami di:  
<http://dare.gov.bn/SitePages/Start-up%20Bootcamp.aspx> atau e-mel kepada kami di [startup.bootcamp@dare.gov.bn](mailto:startup.bootcamp@dare.gov.bn)





# PEMBIAYAAN



# Bank Usahawan

## Apakah Bank Usahawan?

Bank Usahawan menawarkan produk pembiayaan yang patuh syariah: Pembiayaan Aset (Murabaha) dan Pembiayaan Modal Kerja (Tawarruq) kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di Negara Brunei Darussalam.

## Siapakah yang boleh memohon?

- Pemohon adalah pemilik perniagaan syarikat tersebut.
- Berdaftar dan diperbadankan di Negara Brunei Darussalam.
- Perniagaan hendaklah beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan berturut-turut.
- Perniagaan dengan trend keuntungan yang jelas.

## Perbelanjaan yang dibenarkan

- Aset tetap
- Modal kerja
- Perbelanjaan operasi
- Bekalan
- Pengubahsuaian

## *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk laman web Bank Usahawan di: <http://bankusahawan.com.bn> atau hubungi +673 2233 330 / +673 2233 331 atau e-mel [info@bankusahawan.com.bn](mailto:info@bankusahawan.com.bn)

# Pinjaman Perniagaan

## Apakah Pinjaman Perniagaan?

Beberapa bank komersial di Negara Brunei Darussalam seperti BIBD, Baiduri, Bank Standard Chartered dan Maybank menawarkan pelbagai kemudahan pembiayaan kepada perniagaan korporat dan PKS

### *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web berikut:

Laman web BIBD:  
[www.bibd.com.bn](http://www.bibd.com.bn)

Laman web Baiduri Bank:  
[www.baiduri.com.bn](http://www.baiduri.com.bn)

Laman web Bank Standard Chartered: [www.sc.com.bn](http://www.sc.com.bn)

Laman web Maybank:  
[www.maybank.com](http://www.maybank.com)

# Geran 'Co-Matching'

\*akan dilancarkan pada suku tahun ke-3 2018

## Apakah Geran 'Co-Matching'?

Geran 'Co-Matching' menawarkan bantuan kewangan sehingga B\$20,000 dalam bentuk pembiayaan padanan (70:30) kepada perusahaan tempatan.

## Siapakah yang boleh memohon?

- Perniagaan yang berdaftar di bawah ROCBN, dan berpangkalan di Negara Brunei Darussalam.
- Dimiliki sepenuhnya oleh rakyat tempatan.
- Mampu menampung 30% daripada jumlah kos projek.

## Perbelanjaan yang dibenarkan

- Mendapatkan lesen dan pensijilan (contoh: cap dagang dan pensijilan halal)
- Perbelanjaan pemasaran
- Penggunaan Teknologi
- Mesin dan kelengkapan
- Perkhidmatan konsultasi

## *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi +673 2384 830 atau e-mel kepada [dare@ei.gov.bn](mailto:dare@ei.gov.bn)

# Skim Pembiayaan Anugerah Perniagaan Permulaan LiveWIRE

## Apakah Skim Pembiayaan Anugerah Perniagaan Permulaan LiveWIRE?

Skim Pembiayaan Anugerah Perniagaan Permulaan ini ditawarkan kepada para pemenang Anugerah Perniagaan LiveWIRE, iaitu terdiri daripada para peserta dan perniagaan yang baru memulakan Program LiveWIRE.

## Siapakah yang boleh memohon?

Mereka yang layak untuk memohon ialah para peserta Program LiveWIRE yang menyertai Anugerah Perniagaan Brunei.

## Perbelanjaan yang dibenarkan

Jumlah dana ialah sejumlah peratus daripada modal permulaan yang membolehkan pembukaan segera sesebuah perniagaan. Ini adalah dalam julat \$5,000 hingga maksimum \$50,000 dan perlu dibayar dalam tempoh 36 bulan dengan terma pembayaran yang fleksibel. Dana ini adalah tanpa faedah.

## *Cara memohon?*

Untuk menyertai program LiveWIRE, para pemohon boleh menghubungi Pusat LiveWIRE Brunei di talian +673 2220 964 atau emel kepada [enquiry@livewire-brunei.com](mailto:enquiry@livewire-brunei.com).

Semua peserta LiveWIRE akan menjadi ahli Rangkaian LiveWIRE dan akan menerima pemberitahuan tentang calon Anugerah Perniagaan LiveWIRE seterusnya.

# Geran Perniagaan Mikro

\*akan dilancarkan pada suku tahun ke-3 2018

## Apakah Geran Perniagaan Mikro?

Geran Perniagaan Mikro menawarkan bantuan kewangan sehingga B\$5,000 dengan tujuan untuk memulakan perniagaan untuk terus mampan, dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada bakat tempatan.

## Siapakah yang boleh memohon?

- Perlu menjalani dan menyelesaikan Program Bootcamp Perniagaan Mikro DARE.
- Perniagaan yang berdaftar di bawah ROCBN, dan berpangkalan di Negara Brunei Darussalam.
- Dimiliki sepenuhnya oleh rakyat empatan.
- Mempunyai pelan perniagaan yang kukuh.

## Perbelanjaan yang dibenarkan

- Pembelian kelengkapan, perkakasan dan perisian yang berkaitan
- Perbelanjaan pemasaran (contoh: kos dan perkhidmatan bagi mereka bentuk, pembungkusan, penandaan dan pelabelan)
- Pensijilan (contoh: pensijilan halal, dsb)
- Pembelian bahan mentah (berkaitan dengan jenis perniagaan sehingga 20%).

## *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi +673 2384 830 atau e-mel kepada [dare@ei.gov.bn](mailto:dare@ei.gov.bn)

# Skim Pembiayaan Mikro Kredit

## Apakah Skim Pembiayaan Mikro Kredit?

Skim Pembiayaan Mikro Kredit ialah satu pinjaman untuk syarikat yang baru memulakan perniagaan atau bercadang untuk mengembangkan perniagaan.

Skim ini menawarkan sehingga B\$15,000 dengan kadar keuntungan tahunan sebanyak 4% dan tempoh pembayaran balik hingga 3 tahun.

## Siapakah boleh memohon?

- Syarikat-syarikat yang mempunyai pekerja kurang daripada 100 orang.
- Perniagaan yang berdaftar di bawah ROCBN.
- Dimiliki sepenuhnya oleh rakyat tempatan yang memegang Kad Pintar Kuning.

Pemohon yang terpilih akan diberikan tempoh percubaan percuma sistem Cendana selama 6 bulan – satu sistem perniagaan berkomputer yang mampu merakam pelbagai aktiviti perniagaan dan menghasilkan laporan kemajuan yang komprehensif.

## Perbelanjaan yang dibenarkan

- Modal kerja
- Perolehan aset tetap
- Pembiayaan projek
- Pembelian bekalan dan bahan mentah perniagaan

## *Fakta*


Di bawah skim pembiayaan mikro kredit, sebanyak \$60,000 telah disalurkan kepada 63 pemohon yang telah diluluskan.

## *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi BIBD Pusat PKS 360 Centre di Cawangan Serusop atau Cawangan Seri, Plaza Tumasek.



# INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN





# Tapak Perladangan Kontrak

## Apakah Tapak Perladangan Kontrak?

Di bawah Program Perladangan Kontrak oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, ladang pertanian disediakan bagi para usahawan untuk melibatkan diri dalam aktiviti perladangan.

Sebanyak 20 hektar tanah ladang diperuntukkan bagi program ini.

## *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut mengenai sektor pertanian, pihak yang berminat boleh menulis kepada Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, hubungi Bahagian Industri Tanaman atau Bahagian Industri Ternakan di +673 2388 048 atau e-mel [info@agriculture.gov.bn](mailto:info@agriculture.gov.bn)

### Alamat:

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan  
Lapangan Terbang Lama, Berkas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam

Untuk maklumat lanjut mengenai sektor perikanan, pihak yang berminat boleh menulis kepada Pengarah Perikanan, hubungi Bahagian Pengurusan & Perkhidmatan Sokongan Industri di +673 2770 066 atau e-mel [info@fisheries.gov.bn](mailto:info@fisheries.gov.bn)

### Alamat:

Jabatan Perikanan  
Kompleks Perikanan Muara  
Simpang 287-53, Jalan Peranginan  
Pantai Serasa  
Muara, BT1728  
Brunei Darussalam

# Ruang 'Co-Working' & Premis Pejabat

## Apakah Ruang 'Co-Working' & Premis Pejabat?

Ruang 'Co-Working' atau premis pejabat ada tersedia di DARE's iCentre – Pusat Inkubator berasaskan teknologi dan K-Hub pertama dan juga Pusat Belia yang dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Kemudahan ini akan dikembangluaskan hingga ke Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK) dan Pusat Pekerjaan Brunei (JCB). Di iCentre, pada masa ini terdapat 19 buah syarikat yang sedang menggunakan premis pejabat tersebut dan ruang kerja bersama mampu menempatkan seramai 60 orang usahawan.

Bayaran bulanan inkubator ialah antara \$250 hingga \$500 di iCentre dan sebanyak \$3,236.80 bagi setiap tingkat di K-Hub (tidak termasuk fi penyelenggaraan).

## Apakah kemudahan yang disediakan?

- Internet berkelajuan tinggi
- Auditorium
- Bilik Mesyuarat & Persidangan
- Surau

## Apakah bantuan yang disediakan?

- Permentoran
- Latihan/bengkel kemahiran Keusahawanan
- Rangkaian

## *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut mengenai cara memohon ke iCentredan K-Hub, Pengusaha bolehlah menghubungi +673 2384830 atau e-mel dare@ei.gov.bn.

Untuk maklumat lanjut mengenai Pusat Belia, pihak berminat bolehlah menghubungi +673 2221 219.

Untuk maklumat lanjut mengenai ruang kerja bersama atau premis pejabat JCB, pihak berminat bolehlah menghubungi +673 8239 933 atau e-mel mppu@ei.gov.bn.

Untuk maklumat lanjut mengenai ruang kerja bersama atau premis pejabat PPK, pihak berminat bolehlah menghubungi +673 2384 488 atau e-mel PPK.admin@ei.gov.bn

# Tapak, Taman Perindustrian & Kilang Siap Sedia

## Apakah Tapak/ Taman Perindustrian?

DARe menyediakan dan menguruskan tempat dan kemudahan perindustrian untuk melaksanakan aktiviti perkilangan. Taman perindustrian beroperasi di keempat-empat daerah bagi perusahaan-perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan Pelaburan langsung asing (FDI). Kami memajukan infrastruktur utama berasaskan keperluan para pelabur di dalam taman perindustrian yang dikhususkan.

Terdapat 26 kawasan perindustrian termasuklah tanah yang belum dimajukan dan dibersihkan/sudah dimajukan untuk memberikan pengusaha kawasan yang luas bagi melaksanakan aktiviti perkilangan dan logistik. Pada masa ini, terdapat 306 buah syarikat yang beroperasi di dalam tapak dan taman perindustrian.

## Apakah Kilang Siap Sedia?

Kilang Siap Sedia menawarkan ruangan tersedia di dalam sebuah bangunan untuk pengusaha mengembangkan penghasilan mereka dengan kadar sewa yang mampu milik. Unit ini ada tersedia di 4 kawasan di seluruh daerah (Belait/Serampang/Beribi/Batu Apoi). Pada masa ini, terdapat 129 buah unit kilang sedang digunakan dan dikendalikan terutamanya oleh syarikat tempatan.

## Siapakah yang boleh memohon?

- Bagi tapak dan taman perindustrian, syarikat mestilah mendaftar sebagai Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.)
- Bagi kilang pasang siap, Syarikat mestilah 100% dimiliki oleh warga tempatan yang memiliki Kad Pintar berwarna kuning.

## *How to apply?*

For further information please refer to our webpage at:  
<http://dare.gov.bn/SitePages/How-to-Apply.aspx> or email us at [dare@ei.gov.bn](mailto:dare@ei.gov.bn)

# Taman Kontena

## Apakah Taman Kontena?

Ini merupakan sebuah platform yang menawarkan perniagaan yang berpusat di rumah untuk terlibat dalam pasaran, yang menawarkan kemudahan harga runcit yang rendah. Taman ini terletak di Taman Teknologi Anggerek Desa (ADTP). Terdapat beberapa rancangan untuk mengembangkan dan meningkatkan Taman Kontena yang sudah ada, dan menyediakan lebih banyak faedah dan kemudahan tambahan kepada para pengusaha tempatan dan para pengguna.

## Apakah kemudahan-kemudahan yang disediakan?

- 7 unit kontena pasang siap sedia dengan pintu roller yang ditolak ke atas.
- 7 tempat meja makan dengan penutup payung.

## Apakah bantuan yang disediakan?

- Permentoran
- Latihan/bengkel kemahiran perniagaan
- Rangkaian

## *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut, bolehlah menghubungi +673 2384 830 atau e-mel kepada kami di [dare@ei.gov.bn](mailto:dare@ei.gov.bn).

# Dapur Gunasama

## Apakah Dapur Gunasama?

Akan terdapat perkongsian dapur yang terletak di Pusat Belia yang menyediakan perniagaan makanan mikro (1-4 pekerja) dan kecil (5-19 pekerja) dengan kemudahan-kemudahan yang kos efektif untuk meningkatkan hasil pengeluaran makanan mereka.

## *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut, bolehlah menghubungi +673 2221 219 atau e-mel kepada [ibrahim.sabli@belia-sukan.gov.bn](mailto:ibrahim.sabli@belia-sukan.gov.bn)



# AKSES PASARAN



# Akses Pasaran Inbound

## Apakah Akses Pasaran Inbound?

DARe menganjurkan sesi padanan perniagaan dan jaringan dengan delegasi luar negara yang masuk untuk memberikan peluang kerjasama dengan syarikat tempatan. Perniagaan juga digalakkan untuk mengambil bahagian dalam latihan yang berkaitan dengan akses pasaran yang dianjurkan oleh DARe dan difasilitasi oleh pakar tempatan dan antarabangsa

## *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut mengenai ekspo dan pameran perdagangan akan datang, sila ikuti saluran media social DARe di Instagram dan Facebook @darussalamenteprise atau rujuk laman utama laman sesawang kami di bawah tajuk 'What's going on?' di [www.dare.gov.bn](http://www.dare.gov.bn) atau e-mail kami di [market.access@dare.gov.bn](mailto:market.access@dare.gov.bn)

# Akses Pasaran Outbound

## Apakah Akses Pasaran Outbound?

DARe menawarkan peluang kepada syarikat tempatan untuk mengambil bahagian dalam ekspo luar negara, pameran perdagangan dan bengkel termasuk sesi padanan perniagaan di luar negara untuk mempromosikan dan mendedahkan perniagaan mereka ke pasaran antarabangsa. DARe menawarkan misi perdagangan untuk mempelajari tentang proses juga sasaran memasuki pasaran.

Unit Akses Pasaran DARe juga menyediakan panduan mengenai keperluan eksport di negara sasaran serta meningkatkan kesediaan komersial produk syarikat. Perniagaan dengan produk dan perkhidmatan jenama mereka sendiri adalah digalakkan untuk turut serta.

## *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut mengenai ekspo dan pameran perdagangan akan datang, sila ikuti saluran media social DARe di Instagram dan Facebook @darussalamenterprise atau rujuk laman utama laman sesawang kami di bawah tajuk 'What's going on?' di [www.dare.gov.bn](http://www.dare.gov.bn) atau e-mail kami di [market.access@dare.gov.bn](mailto:market.access@dare.gov.bn) bagi sebarang pertanyaan akses pasaran



# Program Pemudahan Eksport

## Apakah Program Pemudahan Eksport?

Program Pemudahan Eksport ditawarkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) perniagaan pertanian dan akuakultur yang mencari ruang untuk mengeksport produk mereka, dan menceburi pasaran baharu yang sedia dieksport menerusi pemudahan perniagaan bagi memenuhi keperluan negara-negara pengimport.

## *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut mengenai sektor pertanian, pihak yang berminat boleh menulis kepada Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, hubungi Bahagian Industri Tanaman atau Bahagian Industri Ternakan di +673 2388 048 atau e-mel [info@agriculture.gov.bn](mailto:info@agriculture.gov.bn)

Alamat:  
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan  
Lapangan Terbang Lama, Berkas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam

# Inisiatif Made in Brunei

## Supermarket Shelf

### Apakah Inisiatif Made in Brunei Supermarket Shelf?

Rak pasar raya yang dikhususkan untuk menempatkan produk buatan Brunei; makanan kering, barangan rumah, dan produk kesihatan dan kecantikan. Rak-rak berkenaan kini sudah terdapat di beberapa pasar raya utama di negara ini.

### *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang kami di:  
<http://dare.gov.bn/SitePages/mib.aspx> atau e-mel kepada kami di [madeinbrunei@dare.gov.bn](mailto:madeinbrunei@dare.gov.bn)

# Inisiatif Made in Brunei

## Unexpected Treasures

### Apakah Inisiatif Made in Brunei Unexpected Treasures?

Menampilkan produk premium berkualiti tinggi

- Rak Pameran Unexpected Treasures

Rak ini mempamerkan produk buatan Brunei yang berciri premium, eksklusif dan berkualiti tinggi, serta tersedia di lokasi-lokasi utama di Brunei seperti lapangan terbang, hotel dan gedung beli-belah.

- Brosur Dalam Pesawat mengenai Unexpected Treasures

Brosur dalam pesawat yang menampilkan produk berciri premium, eksklusif dan berkualiti tinggi seperti jongsarat, produk sampingan jongsarat, kristal, barang hiasan, barangan perak dan minyak wangi, serta produk kesihatan dan kecantikan.

Produk-produk ini boleh dibeli secara online di laman web [unexpectedtreasures.com.bn](http://unexpectedtreasures.com.bn)

### *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang kami di:  
<http://dare.gov.bn/SitePages/mib.aspx> atau e-mel kepada kami di [madeinbrunei@dare.gov.bn](mailto:madeinbrunei@dare.gov.bn)



# PELUANG-PELUANG



## Kontrak & Perkhidmatan

# i-Usahawan

### Apakah i-Usahawan?

Di bawah inisiatif i-Usahawan, kontrak terpilih dikhususkan dalam pelbagai industri di sektor awam dan swasta bertujuan membolehkan usahawan muda mendapatkan kontrak pertama. Para peserta akan menerima latihan untuk memulakan, menjalankan dan mengembangkan perniagaan dan akan dijemput untuk latihan tender yang kompetitif bagi kontraktor terpilih. Mereka yang berjaya akan dianugerahkan kontrak tiga tahun yang berpotensi untuk dilanjutkan, dan akses kepada pembiayaan melalui program kemudahan kredit BSJV. Bidang perniagaan termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, perkhidmatan pemotongan rumput, penyelenggaraan landskap dan hortikultur, teh dan kopi serta perkhidmatan am, kantin atau kafe, pengurusan sisa domestik, pengurusan sisa kitar semula, pembekalan dan penyelenggaraan basikal, perkhidmatan videografi dan fotografi, dan pengurusan acara. Program ini hanya tersedia untuk syarikat milik rakyat jati sepenuhnya. Sebanyak 10 kontrak tiga tahun telah dilancarkan untuk fasa pertama.

Program ini juga akan diperluaskan kepada kontrak yang melibatkan badan berkanun syarikat-syarikat gabungan kerajaan (GLC) dan kerajaan.

### *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut mengenai jenis kontrak dan proses kontrak bagi I-Usahawan, sila layari laman sesawang kami di:  
<http://www.ei.gov.bn/SitePages/I-usahawan.aspx>

## Kontrak & Perkhidmatan

# Pusat Pengagihan Koperasi

### Apakah Pusat Pengagihan Koperasi?

Usahawan muda berpeluang untuk menubuhkan Pusat Pengagihan Koperasi bagi membekalkan barangan secara pukal ke kedai runcit pada kos yang rendah. Ini akan meningkatkan daya saing kedai runcit, dan mewujudkan peluang pekerjaan untuk belia tempatan.

### *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut mengenai sila layari laman sesawang kami di:  
<http://ei.gov.bn/SitePages/Cooperatives%20Registry.aspx>

## Kontrak & Perkhidmatan

# Pemudahan Pemadanan Francais

### Apakah Pemudahan Pemadanan Francais?

Francais antarabangsa dijangka menjadi trend utama di Asia kerana tumpuan kelas pendapatan menengah yang meningkat ke arah jenama antarabangsa. Terdapat peluang bagi usahawan Brunei untuk meneroka perniagaan francais.

DARe dapat memfasilitasi usahawan tempatan dalam menubuhkan perniagaan francais menerusi beberapa inisiatif termasuk Akademi Perniagaan Industri DARe, Bootcamp Perniagaan Permulaan DARe, dialog, kumpulan berfokus, dan melalui sesi bengkel DARe-EODB.

### *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ke laman sesawang kami di:  
<http://dare.gov.bn/SitePages/Training.aspx> atau e-mel kepada kami di [dare@ei.gov.bn](mailto:dare@ei.gov.bn)

## Kontrak & Perkhidmatan

# Kitar Semula

### Apakah Kitar Semula?

Kitar semula adalah industri yang sangat baharu di Negara Brunei Darussalam yang berpotensi untuk disertai oleh usahawan tempatan. Di negara ini, hanya segelintir syarikat yang mengetuai industri berkenaan, dan sesetengah syarikat dapat bertahan dengan mengeksport sampah ke luar negara.

DARe dapat memudahkan usahawan tempatan dalam menubuhkan syarikat kitar semula melalui beberapa inisiatif termasuk Akademi Perniagaan Industri DARe, Bootcamp Perniagaan Permulaan DARe, dialog, kumpulan berfokus, dan melalui sesi bengkel DARe-EODB.

### *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ke laman sesawang kami di:  
<http://dare.gov.bn/SitePages/Training.aspx> atau e-mel kepada kami di [dare@ei.gov.bn](mailto:dare@ei.gov.bn)



## *Agribisnes / Akuakultur*

# Projek Rintis (Pertanian)

### Apakah Projek Rintis (Pertanian)?

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) ada menyediakan ladang pertanian dan tapak akuakultur bagi para usahawan untuk melibatkan diri dalam perniagaan perladangan dan akuakultur secara berkontrak selama 2 tahun.

Setiap ladang hendaklah mempunyai sasaran hasil pertanian atau akuakultur. Ladang yang berjaya menghasilkan sasaran tersebut dalam masa 2 tahun beroperasi akan berpeluang untuk menambah tapak.

### Apakah kemudahan yang disediakan?

- Bagi sayur-sayuran dan florikultur  
- 2 hektar tanah akan diperuntukkan.
- Bagi tanaman buah-buahan dan padi  
- 5 hektar tanah akan diperuntukkan.
- Bagi ladang penternakan  
- 2 hektar tanah akan diperuntukkan.

### *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut mengenai sektor pertanian, pihak yang berminat boleh mengirim lamaran kepada Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, hubungi Bahagian Industri Tanaman atau Bahagian Industri Ternakan di +673 2388 048 atau e-mel [info@agriculture.gov.bn](mailto:info@agriculture.gov.bn)

#### Alamat:

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan  
Lapangan Terbang Lama, Berkas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam

## *Agribisnes / Akuakultur*

# Perladangan Kontrak

### Apakah Perladangan Kontrak?

Perladangan Kontrak adalah program Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) bagi memberikan peluang kepada usahawan pertanian dan perikanan untuk melabur dalam sektor pertanian dan perikanan menggunakan sistem teknologi tinggi bagi menghasilkan keluaran ladang yang berkualiti. Hasil ladang akan dijual kepada syarikat melalui perladangan kontrak.

### *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut mengenai sektor pertanian, pihak yang berminat boleh menulis kepada Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, hubungi Bahagian Industri Tanaman atau Bahagian Industri Ternakan di +673 2388 048 atau e-mel [info@agriculture.gov.bn](mailto:info@agriculture.gov.bn)

#### Alamat:

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan  
Lapangan Terbang Lama, Berkas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam

Untuk maklumat lanjut mengenai sektor perikanan, pihak yang berminat boleh menulis kepada Pengarah Perikanan, hubungi Bahagian Pengurusan & Perkhidmatan Sokongan Industri di +673 2770 066 atau e-mel [info@fisheries.gov.bn](mailto:info@fisheries.gov.bn)

#### Alamat:

Jabatan Perikanan  
Kompleks Perikanan Muara  
Simpang 287-53, Jalan Peranginan  
Pantai Serasa  
Muara, BT1728  
Brunei Darussalam

# Penternakan Ikan

## Apakah Penternakan Ikan?

Penternakan ikan adalah perniagaan yang berpotensi untuk diterokai oleh usahawan belia. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) menyediakan tapak akuakultur untuk usahawan melibatkan diri dalam aktiviti penternakan ikan.

## *Cara memohon?*

Untuk maklumat lanjut mengenai sektor perikanan, pihak yang berminat boleh menulis kepada Pengarah Perikanan, hubungi hubungi Bahagian Pengurusan & Perkhidmatan Sokongan Industri di +673 2770 066 atau e-mel [info@fisheries.gov.bn](mailto:info@fisheries.gov.bn)

Alamat:  
Jabatan Perikanan  
Kompleks Perikanan Muara  
Simpang 287-53, Jalan Peranginan  
Pantai Serasa  
Muara, BT1728  
Brunei Darussalam

EKOSISTEM  
KEUSAHAWANAN

*Befia*